

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JMS 311 - Sejarah Politik Malaysia Moden

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab EMPAT soalan; SATU daripada Bahagian A, SATU daripada Bahagian B, SATU daripada Bahagian C dan SATU lagi daripada mana-mana bahagian. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

BAHAGIAN A

1. Pihak British telah memperkenalkan Tanah Melayu kepada dunia moden sejak pengambilan Pulau Pinang pada 1786 dalam banyak hal terutama dalam struktur pentadbiran dan ekonomi. Bincangkan. (100 markah)
2. Sejauh manakah faktor keselamatan menjadi faktor utama pembentukan Malaysia pada 1963? (100 markah)

BAHAGIAN B

3. Mengikut W.R. Roff, kesetiaan politik orang-orang Melayu yang diletakkan kepada raja-raja Melayu dan pembesar-pembesarnya menjadi satu faktor penghalang kepada pertumbuhan semangat nasionalisme Melayu sebelum perang. Bersetujukah anda? Mengapa? (100 markah)
4. Nilaiikan peranan PUTERA-AMCJA dalam sejarah kemunculan semangat nasionalisme Malaya. (100 markah)
5. Dapatkah kebangkitan kaum Kadazan di Sabah sejak 1963 dianggap sebagai satu kebangkitan nasionalisme? Berikan ulasan-ulasan anda. (100 markah)

BAHAGIAN C

6. Bincangkan konflik-konflik yang timbul antara kerajaan Singapura dengan kerajaan Persekutuan yang membawa kepada perpisahan Singapura pada 1965. (100 markah)
7. Margaret Roff berpendapat bahawa konflik yang wujud antara parti-parti politik di Sarawak menjadi asas kepada krisis politik Sarawak yang berpanjangan antara 1965 hingga 1970. Bahaskan. (100 markah)

oooOooo